



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

KENYATAAN MEDIA

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN SEPTEMBER 2022 DAN TEMPOH JANUARI-SEPTEMBER 2022[#]

Nilai Perdagangan, Eksport, Import dan Lebihan Dagangan Tertinggi bagi September

Perdagangan Malaysia mengekalkan trend peningkatan pada September 2022, mencatatkan pertumbuhan dua digit bagi perdagangan, eksport, import dan lebihan dagangan. Ini merupakan nilai tertinggi bagi bulan September setakat ini. Perdagangan naik 31.4% kepada RM256.91 bilion berbanding September 2021, pertumbuhan dua digit yang ke-20 bulan berturut-turut. Eksport meningkat 30.1% kepada RM144.31 bilion, pertumbuhan dua digit yang ke-14 bulan berturut-turut. Import berkembang 33.0% kepada RM112.60 bilion. Lebihan dagangan mencatatkan rekod tertinggi baharu, bertambah sebanyak 20.9% kepada RM31.71 bilion.

Pertumbuhan eksport disumbangkan terutamanya oleh permintaan yang kukuh bagi barang elektrik dan elektronik (E&E), keluaran petroleum, gas asli cecair (LNG), petroleum mentah, barang optik dan saintifik serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Eksport barang E&E, barang optik dan saintifik serta LNG mencatatkan nilai bulanan tertinggi setakat ini. Sementara itu, eksport ke rakan dagang utama khasnya ASEAN, Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah (EU) dan Jepun merekodkan pertumbuhan dua digit. Eksport ke Jepun mencatatkan nilai eksport bulanan tertinggi setakat ini.

Perbandingan bulan ke bulan, eksport dan lebihan dagangan masing-masing meningkat 2.2% dan 86.1% manakala perdagangan dan import menyusut sebanyak 3.2% dan 9.4%.

Perdagangan bagi suku ketiga (S3) tahun 2022 berkembang sebanyak 42.0% kepada RM774.98 bilion berbanding S3 2021. Eksport meningkat 38.3% kepada RM419.65 bilion dan import naik 46.5% kepada RM355.32 bilion. Ini merupakan nilai suku tahunan yang tertinggi bagi perdagangan, eksport dan import. Lebihan dagangan bertambah 5.6% kepada RM64.33 bilion.

Berbanding suku kedua (S2) tahun 2022, perdagangan, eksport, import dan lebihan dagangan masing-masing menokok sebanyak 6.1%, 6.5%, 5.7% dan 10.8%.

Bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun 2022, perdagangan naik 32.9% kepada RM2.130 trillion berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Eksport meningkat 30.3% kepada RM1.159 trillion dan import berkembang 36.2% kepada RM971.26 bilion. Lebihan dagangan berkembang 6.3% kepada RM187.40 bilion. Perdagangan, eksport, import dan lebihan dagangan mencatatkan nilai tertinggi bagi tempoh ini.

Prestasi Eksport Sektor Utama

Eksport Barang Perkilangan dan Hasil Galian Rekod Nilai Tertinggi

Eksport barang perkilangan pada September 2022 mencecah nilai tertinggi sebanyak RM122.23 bilion atau 84.7% daripada jumlah eksport, meningkat 28.7% tahun ke tahun. Ini merupakan pertumbuhan dua digit yang ke-14 bulan berturut-turut. Barang E&E, keluaran petroleum, barang optik dan saintifik serta jentera, kelengkapan dan peralatan masing-masing telah merekodkan kenaikan eksport melebihi RM1 bilion.

Eksport hasil galian (7.7% syer) melonjak 89.0% tahun ke tahun kepada RM11.10 bilion, merupakan nilai bulanan tertinggi setakat ini dan merupakan pertumbuhan dua

digit yang ke-18 bulan berturut-turut. Peningkatan ini disokong oleh kenaikan eksport LNG dan petroleum mentah.

Eksport keluaran pertanian (7.2% syer) berkembang 8.0% kepada RM10.44 bilion berbanding September 2021 disumbangkan terutamanya oleh pertambahan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit.

Barangan eksport utama pada September 2022:

- Barangan E&E, bernilai RM57.41 bilion dan merangkumi 39.8% daripada jumlah eksport, meningkat 39.8% berbanding September 2021;
- Keluaran petroleum, RM17.32 bilion, 12.0% daripada jumlah eksport, melonjak 83.3%;
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, RM8.25 bilion, 5.7% daripada jumlah eksport, meningkat 6.4%;
- Kimia dan bahan kimia, RM6.93 bilion, 4.8% daripada jumlah eksport, meningkat 14.5%; dan
- LNG, RM6.53 bilion, 4.5% daripada jumlah eksport, melonjak 142.0%.

Berbanding Ogos 2022, eksport barangank perkilangan dan hasil galian masing-masing berkembang 2.3% dan 3.4%, manakala eksport keluaran pertanian menurun secara marginal sebanyak 0.1%.

Bagi tempoh Januari hingga September 2022, kesemua barangan telah merekodkan peningkatan eksport kecuali keluaran getah. Eksport barangank perkilangan meningkat 27.0% kepada RM975.51 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2021, disumbang oleh kenaikan eksport barangan E&E, keluaran petroleum, jentera, kelengkapan dan peralatan, barangan perkilangan berasaskan minyak sawit serta kimia dan bahan kimia.

Eksport keluaran pertanian berkembang 36.3% kepada RM92.40 bilion disokong oleh pertambahan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit.

Eksport hasil galian melonjak 71.7% kepada RM85.69 bilion disokong oleh peningkatan eksport LNG dan petroleum mentah.

Prestasi Perdagangan dengan Pasaran Utama

ASEAN – Pertumbuhan Kukuh bagi Perdagangan, Eksport dan Import

Pada September 2022, perdagangan dengan ASEAN merangkumi 26.4% daripada jumlah perdagangan Malaysia, meningkat 33.6% tahun ke tahun kepada RM67.85 bilion. Eksport naik 31.5% kepada RM39.97 bilion disumbang oleh kenaikan eksport barang E&E dan keluaran petroleum. Import dari ASEAN bertambah 36.8% kepada RM27.89 bilion.

Pecahan eksport ke negara ASEAN:

- Singapura RM21.00 bilion, meningkat 29.1%;
- Indonesia RM5.83 bilion, ↑53.3%;
- Viet Nam RM4.76 bilion, ↑65.8%;
- Thailand RM4.49 bilion, ↑4.6%;
- Filipina RM2.35 bilion, ↑21.1%;
- Brunei RM985.1 juta, ↑21.1%;
- Myanmar RM314.2 juta, ↑35.2%;
- Kemboja RM124.3 juta, ↓23.6%; dan
- Lao PDR RM107.1 juta, ↑2,916.2%.

Eksport ke pasaran utama ASEAN yang merekodkan pertumbuhan adalah **Singapura**, meningkat sebanyak RM4.74 bilion berikutan kenaikan eksport barang E&E, **Indonesia** (↑RM2.03 bilion, keluaran petroleum) dan **Viet Nam** (↑RM1.89 bilion, barang E&E).

Perbandingan bulan ke bulan, perdagangan, eksport dan import masing-masing menyusut sebanyak 4.2%, 4.8% dan 3.3%.

Bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun 2022, perdagangan dengan ASEAN berkembang 42.2% kepada RM582.54 bilion berbanding tempoh yang sama tahun

2021. Eksport ke rantau ini meningkat 37.3% kepada RM337.35 bilion berikutan pertambahan eksport barang E&E, keluaran petroleum, jentera, kelengkapan dan peralatan serta petroleum mentah. Import dari ASEAN naik 49.6% kepada RM245.20 bilion.

China – Pertumbuhan Eksport Dipacu oleh Barang E&E

Pada September 2022, perdagangan dengan China yang menyumbang 17.1% kepada jumlah perdagangan Malaysia naik 14.0% tahun ke tahun kepada RM43.91 bilion, merupakan pertumbuhan dua digit yang ke-22 bulan berturut-turut. Eksport ke China merekodkan pertumbuhan 8% kepada RM20.09 bilion disokong oleh pertambahan eksport barang E&E. Import dari China meningkat 19.5% kepada RM23.82 bilion.

Berbanding Ogos 2022, perdagangan dan eksport masing-masing berkembang sebanyak 0.3% dan 8.8% manakala import menyusut 6.0%.

Perdagangan dengan China pada sembilan bulan pertama tahun 2022 naik 18.5% kepada RM360.56 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2021. Eksport berkembang 13.4% kepada RM155.45 bilion disumbang oleh kenaikan eksport barang E&E, LNG serta bijih logam dan serpihan logam. Import dari China meningkat 22.7% kepada RM205.11 bilion.

AS – Nilai Perdagangan Tertinggi Dicatatkan

Perdagangan dengan AS pada September 2022 yang merangkumi 10.4% daripada jumlah perdagangan Malaysia, meningkat 42.5% tahun ke tahun kepada RM26.73 bilion dan merupakan nilai bulanan tertinggi setakat ini. Eksport naik 32.5% kepada RM16.31 bilion disokong oleh eksport yang kukuh bagi barang E&E. Import dari AS melonjak 61.4% kepada RM10.42 bilion.

Perbandingan bulan ke bulan, perdagangan, eksport dan import masing-masing meningkat 9.0%, 8.9% dan 9.0%.

Bagi tempoh Januari hingga September 2022, perdagangan dengan AS naik 27.2% kepada RM198.74 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2021. Eksport meningkat 21.1% kepada RM123.83 bilion berikutan pertumbuhan eksport barang E&E, barang besi dan keluli, barang optik dan saintifik serta keluaran petroleum. Import dari AS bertambah 38.9% kepada RM74.91 bilion.

EU – Eksport Catat Pertumbuhan Dua Digit yang ke-12 Bulan Berturut-Turut

Perdagangan dengan EU yang mewakili 7.1% daripada jumlah perdagangan Malaysia pada September 2022 berkembang 16.7% tahun ke tahun kepada RM18.20 bilion. Eksport meningkat 19.0% kepada RM10.58 bilion, pertumbuhan dua digit yang ke-12 bulan berturut-turut disokong oleh kenaikan eksport barang E&E. Import dari EU menokok 13.6% kepada RM7.62 bilion.

Pecahan eksport ke 10 pasaran utama EU yang mewakili 91.6% daripada jumlah eksport Malaysia ke EU adalah:

- Belanda RM3.63 bilion, meningkat 20.0%;
- Jerman RM2.51 bilion, ↑8.9%;
- Belgium RM841.2 juta, ↑72.3%;
- Itali RM631.7 juta, ↓4.9%;
- Perancis RM579.1 juta, ↑85.6%;
- Sepanyol RM485.3 juta, ↑12.9%;
- Republik Czech RM340.5 juta, ↑22.1%;
- Poland RM284.1 juta, ↑15.3%;
- Hungary RM205.0 juta, ↑2.7%; dan
- Sweden RM192.5 juta, ↑17.8%.

Eksport ke pasaran utama EU yang merekodkan pertumbuhan adalah **Belanda**, meningkat sebanyak RM603.9 juta disumbang oleh pertambahan permintaan bagi barang E&E, **Jerman** (↑RM205.0 juta, barang E&E) dan **Belgium** (↑RM353.0 juta, barang besi dan keluli).

Berbanding Ogos 2022, perdagangan, eksport dan import masing-masing naik sebanyak 4.7%, 5.4% dan 3.7%.

Bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun 2022, perdagangan dengan EU berkembang 22.1% kepada RM160.10 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2021. Eksport naik 24.5% kepada RM93.99 bilion, berikutan kenaikan eksport barang E&E, barang perkilangan logam dan keluaran petroleum. Import dari EU meningkat 19.0% kepada RM66.11 bilion.

Jepun – Nilai Eksport Tertinggi Direkodkan

Pada September 2022, perdagangan dengan Jepun yang merangkumi 6.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia berkembang 49.5% tahun ke tahun kepada RM17.11 bilion. Eksport melonjak 74.6% kepada RM9.93 bilion, merupakan nilai bulanan tertinggi setakat ini dan pertumbuhan dua digit yang ke-19 bulan berturut-turut. Kenaikan ini disokong oleh pertambahan eksport LNG, barang E&E dan keluaran petroleum. Import dari Jepun meningkat 24.6% kepada RM7.18 bilion.

Perbandingan bulan ke bulan, perdagangan dan eksport masing-masing menokok 1.1% dan 8.9%, manakala import berkurang 8.0%.

Bagi tempoh Januari hingga September 2022, perdagangan dengan Jepun naik 23.4% kepada RM135.11 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2021. Eksport berkembang 31.8% kepada RM72.89 bilion disumbang oleh kenaikan eksport LNG, petroleum mentah, minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit serta keluaran petroleum. Import dari Jepun meningkat 14.9% kepada RM62.22 bilion.

Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA

Pada September 2022, perdagangan dengan rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang mewakili 65.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia meningkat 28.9% tahun ke tahun kepada RM169.25 bilion. Eksport ke rakan dagang FTA naik 29.4% kepada RM97.42 bilion dan import berkembang 28.1% kepada RM71.82 bilion.

Peningkatan eksport direkodkan ke **Hong Kong SAR**, sebanyak 30.4% kepada RM10.18 bilion, **India**, (\uparrow 5.7% kepada RM4.54 bilion) dan **Republik Korea** (\uparrow 41.9% kepada RM4.97 bilion) berikutan pertambahan eksport barang E&E.

Eksport ke **Australia** meningkat 120.1% kepada RM5.39 bilion dan **New Zealand**, (\uparrow 48.4% kepada RM618.4 juta) dipacu oleh kenaikan eksport keluaran petroleum manakala eksport ke **Chile** (\uparrow 215.5% kepada RM140.3 juta, kimia dan bahan kimia).

Berbanding Ogos 2022, eksport berkembang 1.9% manakala perdagangan dan import masing-masing berkurang sebanyak 1.5% dan 5.7%.

Perdagangan dengan rakan dagang FTA pada sembilan bulan pertama tahun 2022 yang menyumbang 66.2% kepada jumlah perdagangan Malaysia meningkat 31.9% kepada RM1.410 trillion berbanding tempoh yang sama tahun 2021. Eksport naik 30.9% kepada RM778.77 bilion dan import berkembang 33.2% kepada RM631.73 bilion.

Prestasi Import

Jumlah import pada September 2022 meningkat 33.0% tahun ke tahun kepada RM112.60 bilion. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir yang merangkumi 70.3% daripada jumlah keseluruhan import adalah:

- **Barangan pengantara**, bernilai RM58.57 bilion atau 52.0% daripada jumlah import, meningkat 35.1%, berikutan pertambahan import bekalan perindustrian diproses;
- **Barangan modal**, bernilai RM11.80 bilion atau 10.5% daripada jumlah import, berkembang 30.5%, disebabkan oleh peningkatan import barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan); dan

- **Barangan penggunaan**, bernilai RM8.83 bilion atau 7.8% daripada jumlah import, naik 28.2%, hasil kenaikan import makanan dan minuman diproses khusus untuk penggunaan isirumah.

Bagi tempoh Januari hingga September 2022, import berkembang 36.2% kepada RM971.26 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2021. Import **barang pengantara** meningkat 35.5% kepada RM530.89 bilion, **barang modal** (\uparrow 17.5% kepada RM89.08 bilion) dan **barang penggunaan** (\uparrow 25.4% kepada RM76.75 bilion).

Nota:

- Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barang untuk perhitunganimbangan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barang fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barang didefinisikan sebagai “barang fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran”.
- Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan “PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN” yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1200, Jumaat, 28 Oktober 2022 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epLogin.seam>).
- Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).
- Data bulan September 2022 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.
- Mulai bulan rujukan April 2018, pemilihan kod untuk eksport dan import bagi minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit telah dikaji semula serta dikemaskini untuk lebih mewakili barang tersebut, dan ini telah menyebabkan sedikit perubahan pada data.
- 19 rakan dagang FTA terdiri daripada China, Singapura, Jepun, Thailand, Republik Korea, Indonesia, India, Australia, Viet Nam, Filipina, New Zealand, Turkiye, Pakistan, Myanmar, Kemboja, Brunei, Chile, Lao PDR dan Hong Kong SAR.
- Mulai bulan rujukan Februari 2020, Kesatuan Eropah (EU) adalah tidak termasuk United Kingdom.
- Bermula bulan rujukan Jun 2022, Harmonised Commodity description and Coding system 2022 (HS2022) yang juga dikenali sebagai Perintah Duti Kastam (PDK2022) telah digunakan dalam penyusunan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri (barang). Klasifikasi ini menggantikan HS2017 yang digunakan pada April 2017 sehingga Mei 2022. Walau bagaimanapun, pengelasan mengikut Standard International Trade Classification (SITC) Rev.4 masih digunakan dengan penyelarasan bersesuaian.
- Jumlah bagi pengiraan tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.

JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

Tahun/ Tempoh	<u>Jumlah Eksport (RM Juta)</u>	<u>Jumlah Import (RM Juta)</u>	<u>Imbalan Perdagangan (RM Juta)</u>	<u>Jumlah Perdagangan (RM Juta)</u>
2021^f				
Januari	89,676.8	73,057.7	16,619.1	162,734.5
Februari	87,804.3	69,680.1	18,124.2	157,484.4
Mac	105,228.1	80,867.1	24,361.0	186,095.3
April	105,630.9	85,293.2	20,337.7	190,924.1
Mei	92,387.5	78,531.7	13,855.8	170,919.2
Jun	105,316.9	83,217.3	22,099.6	188,534.2
Julai	97,124.5	83,564.1	13,560.3	180,688.6
Ogos	95,379.4	74,245.0	21,134.3	169,624.4
September	110,882.4	84,650.2	26,232.3	195,532.6
Oktober	114,488.1	87,905.4	26,582.7	202,393.6
November	112,670.6	93,383.6	19,286.9	206,054.2
Disember	124,432.6	92,948.5	31,484.1	217,381.2
2021 (Jan-Dis) ^f	1,241,022.1	987,344.0	253,678.1	2,228,366.1
2022^p				
Januari	111,068.0	92,507.4	18,560.6	203,575.5
Februari	102,266.2	82,451.8	19,814.4	184,718.0
Mac	131,559.5	104,911.9	26,647.6	236,471.3
April	127,584.7	104,105.0	23,479.7	231,689.8
Mei	120,491.6	107,793.9	12,697.8	228,285.5
Jun	146,026.3	124,162.8	21,863.5	270,189.2
Julai	134,073.9	118,488.8	15,585.1	252,562.7
Ogos	141,271.2	124,234.4	17,036.8	265,505.6
September	144,309.8	112,599.3	31,710.5	256,909.1
<i>Perubahan m-o-m (%)</i>	<i>2.2</i>	<i>-9.4</i>	<i>86.1</i>	<i>-3.2</i>
<i>Perubahan y-o-y (%)</i>	<i>30.1</i>	<i>33.0</i>	<i>20.9</i>	<i>31.4</i>
2021^f				
S1	282,709.2	223,604.9	59,104.3	506,314.1
S2	303,335.3	247,042.1	56,293.2	550,377.4
S3	303,386.3	242,459.3	60,926.9	545,845.6
S4	351,591.3	274,237.6	77,353.7	625,828.9
2022^p				
S1	344,893.8	279,871.1	65,022.7	624,764.8
S2	394,102.7	336,061.7	58,040.9	730,164.4
S3	419,654.9	355,322.5	64,332.4	774,977.4
<i>Perubahan q-o-q (%)</i>	<i>6.5</i>	<i>5.7</i>	<i>10.8</i>	<i>6.1</i>
<i>Perubahan y-o-y (%)</i>	<i>38.3</i>	<i>46.5</i>	<i>5.6</i>	<i>42.0</i>
Jan-Sep 2021 ^f	889,430.8	713,106.4	176,324.4	1,602,537.1
Jan-Sep 2022^p	1,158,651.3	971,255.3	187,396.0	2,129,906.7
<i>Perubahan y-o-y (%)</i>	<i>30.3</i>	<i>36.2</i>	<i>6.3</i>	<i>32.9</i>

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran

JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT (SEPTEMBER)

Barangan	Sep 2022 ^p	Ogos 2022 ^p	Sep 2021 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	144,309.8	141,271.2	110,882.4	2.2	30.1
Barangan E&E	57,407.2	51,195.4	41,057.7	12.1	39.8
Keluaran Petroleum	17,318.1	20,250.1	9,445.6	-14.5	83.3
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	8,253.2	8,177.9	7,758.1	0.9	6.4
Kimia & Bahan Kimia	6,929.0	6,689.2	6,049.8	3.6	14.5
LNG	6,525.1	6,280.9	2,696.2	3.9	142.0
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,389.1	5,611.7	4,180.3	-4.0	28.9
Barangan Optik & Saintifik	5,277.9	5,010.8	3,990.9	5.3	32.2
Barangan Perkilangan Logam	4,964.7	5,057.8	6,759.6	-1.8	-26.6
Barangan Perkilangan Berasaskan Minyak Sawit	3,386.7	3,401.1	2,849.7	-0.4	18.8
Petroleum Mentah	3,051.8	3,125.1	1,750.7	-2.3	74.3

JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT (SEPTEMBER)

Pasaran	Sep 2022 ^p	Ogos 2022 ^p	Sep 2021 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	144,309.8	141,271.2	110,882.4	2.2	30.1
Singapura	21,001.5	20,832.6	16,261.3	0.8	29.1
China	20,088.0	18,460.7	18,596.3	8.8	8.0
AS	16,308.9	14,971.8	12,305.7	8.9	32.5
Hong Kong SAR	10,182.2	9,443.9	7,809.6	7.8	30.4
Jepun	9,931.2	9,119.9	5,686.9	8.9	74.6
Indonesia	5,827.6	6,689.2	3,802.0	-12.9	53.3
Australia	5,388.4	3,814.2	2,448.7	41.3	120.1
ROK	4,969.8	5,282.8	3,502.5	-5.9	41.9
Viet Nam	4,757.9	3,522.9	2,869.9	35.1	65.8
Taiwan	4,551.4	4,570.6	3,690.2	-0.4	23.3

JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (SUKU KETIGA 2022)

Barangan	S3 2022 ^p	S2 2022 ^p	S3 2021 ^f	Perubahan q-o-q	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	419,654.9	394,102.7	303,386.3	6.5	38.3
Barangan E&E	155,592.8	145,512.9	110,073.1	6.9	41.4
Keluaran petroleum	56,380.6	41,506.3	27,107.3	35.8	108.0
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	24,896.7	27,653.9	19,999.6	-10.0	24.5
Kimia & Bahan Kimia	20,030.6	20,269.2	17,248.5	-1.2	16.1
LNG	18,869.8	15,605.8	9,660.1	20.9	95.3
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	16,450.4	15,141.9	11,599.9	8.6	41.8
Barangan Perkilangan Logam	15,504.1	17,989.0	15,464.5	-13.8	0.3
Barangan Optik & Saintifik	15,421.1	13,709.8	11,233.7	12.5	37.3
Barangan Perkilangan Berasaskan Minyak Sawit	10,584.0	11,730.2	8,602.6	-9.8	23.0
Petroleum Mentah	8,719.3	8,810.8	4,726.4	-1.0	84.5

JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (SUKU KETIGA 2022)

Pasaran	S3 2022 ^p	S2 2022 ^p	S3 2021 ^f	Perubahan q-o-q	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	419,654.9	394,102.7	303,386.3	6.5	38.3
Singapura	64,001.9	56,664.1	43,861.6	12.9	45.9
China	54,428.3	50,961.2	48,278.3	6.8	12.7
AS	44,579.1	43,163.3	34,184.9	3.3	30.4
Hong Kong SAR	28,046.6	23,900.7	19,771.6	17.3	41.9
Jepun	26,761.0	23,441.8	18,028.6	14.2	48.4
Indonesia	17,565.7	13,797.5	10,007.8	27.3	75.5
Thailand	16,471.4	17,080.8	12,384.3	-3.6	33.0
ROK	14,406.2	13,184.8	9,359.0	9.3	53.9
India	14,061.6	14,793.9	10,616.9	-4.9	32.4
Taiwan	13,370.2	14,332.0	10,021.9	-6.7	33.4

JADUAL 6: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI- SEPTEMBER)

Barangan	Jan-Sep 2022 ^p	Jan-Sep 2021 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Eksport	1,158,651.3	889,430.8	30.3
Barangan E&E	438,485.1	323,796.1	35.4
Keluaran Petroleum	120,890.1	69,427.1	74.1
Minyak Sawit & Keluaran			
Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	74,154.6	51,532.5	43.9
Kimia & Bahan Kimia	60,026.2	50,748.5	18.3
Barangan Perkilangan Logam	49,768.4	42,632.1	16.7
LNG	47,748.7	26,302.5	81.5
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	45,412.1	35,539.7	27.8
Barangan Optik & Saintifik	41,559.7	33,643.0	23.5
Barangan Perkilangan Berasaskan Minyak Sawit	32,312.1	22,814.8	41.6
Barangan Besi & Keluli	25,536.9	20,403.0	25.2

JADUAL 7: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-SEPTEMBER)

Pasaran	Jan-Sep 2022 ^p	Jan-Sep 2021 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Eksport	1,158,651.3	889,430.8	30.3
Singapura	170,315.3	125,537.2	35.7
China	155,449.1	137,130.4	13.4
AS	123,828.6	102,247.7	21.1
Jepun	72,886.1	55,285.1	31.8
Hong Kong SAR	71,604.6	55,325.5	29.4
Thailand	49,309.0	37,948.1	29.9
Indonesia	42,432.3	27,129.4	56.4
India	41,541.6	31,111.3	33.5
ROK	40,196.0	27,591.8	45.7
Viet Nam	40,078.9	31,693.1	26.5

JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT (SEPTEMBER)

Barangan	Sep 2022 ^p	Ogos 2022 ^p	Sep 2021 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	112,599.3	124,234.4	84,650.2	-9.4	33.0
Barangan E&E	34,270.0	34,712.7	28,734.9	-1.3	19.3
Keluaran Petroleum	11,480.6	20,181.2	8,194.7	-43.1	40.1
Kimia & Bahan Kimia	9,430.9	10,321.8	8,265.4	-8.6	14.1
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	8,421.2	7,910.8	5,333.0	6.5	57.9
Petroleum Mentah	6,109.3	6,548.8	1,566.3	-6.7	290.0
Barangan Perkilangan Logam	5,416.8	5,083.5	4,554.4	6.6	18.9
Kelengkapan Pengangkutan	5,163.0	4,634.9	2,352.6	11.4	119.5
Barangan Optik & Saintifik	2,552.9	2,542.1	2,313.0	0.4	10.4
Barangan Besi & Keluli	2,452.2	2,890.0	2,370.9	-15.2	3.4
Barangan Makanan Diproses	2,228.1	2,701.8	2,200.4	-17.5	1.3

JADUAL 9: SUMBER UTAMA IMPORT (SEPTEMBER)

Sumber	Sep 2022 ^p	Ogos 2022 ^p	Sep 2021 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	112,599.3	124,234.4	84,650.2	-9.4	33.0
China	23,818.2	25,327.4	19,934.5	-6.0	19.5
Singapura	11,262.8	12,546.9	8,652.4	-10.2	30.2
AS	10,418.9	9,558.3	6,454.3	9.0	61.4
Taiwan	9,070.6	11,860.3	6,674.1	-23.5	35.9
Indonesia	7,260.8	6,650.1	4,780.7	9.2	51.9
Jepun	7,175.8	7,802.3	5,759.4	-8.0	24.6
Thailand	5,061.9	4,980.2	3,767.8	1.6	34.3
Australia	4,443.2	3,527.9	1,817.9	25.9	144.4
Arab Saudi	4,176.7	5,215.1	1,022.2	-19.9	308.6
ROK	4,160.3	6,043.5	3,806.0	-31.2	9.3

JADUAL 10: BARANGAN UTAMA IMPORT (SUKU KETIGA 2022)

Barangan	S3 2022 ^p	S2 2022 ^p	S3 2021 ^f	Perubahan q-o-q	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	355,322.5	336,061.7	242,459.3	5.7	46.5
Barangan E&E	102,612.1	101,652.4	79,914.2	0.9	28.4
Keluaran Petroleum	48,162.5	41,155.5	21,560.2	17.0	123.4
Kimia & Bahan Kimia	29,667.8	30,008.4	24,028.8	-1.1	23.5
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	23,778.9	21,284.1	16,155.6	11.7	47.2
Petroleum Mentah	17,573.5	11,020.6	4,912.6	59.5	257.7
Barangan Perkilangan Logam	16,209.6	17,474.8	12,784.7	-7.2	26.8
Kelengkapan Pengangkutan	14,948.8	12,588.4	7,587.0	18.8	97.0
Barangan Besi & Keluli	8,225.7	9,584.7	7,946.7	-14.2	3.5
Barangan Optik & Saintifik	7,614.7	7,462.8	6,556.4	2.0	16.1
Barangan Makanan Diproses	7,427.2	7,043.5	6,330.1	5.4	17.3

JADUAL 11: SUMBER UTAMA IMPORT (SUKU KETIGA 2022)

Sumber	S3 2022 ^p	S2 2022 ^p	S3 2021 ^f	Perubahan q-o-q	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	355,322.5	336,061.7	242,459.3	5.7	46.5
China	73,841.7	69,983.6	56,464.2	5.5	30.8
Singapura	38,163.9	37,517.4	22,360.4	1.7	70.7
Taiwan	30,747.4	25,952.6	19,322.2	18.5	59.1
AS	29,483.4	24,854.8	18,923.2	18.6	55.8
Jepun	22,264.0	20,896.9	17,163.1	6.5	29.7
Indonesia	21,224.4	19,611.1	13,685.9	8.2	55.1
Thailand	15,157.0	14,297.7	10,220.6	6.0	48.3
ROK	15,039.7	16,111.4	11,493.1	-6.7	30.9
Arab Saudi	13,274.3	7,752.1	3,528.7	71.2	276.2
Australia	12,136.2	10,258.6	5,336.1	18.3	127.4

JADUAL 12: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI-SEPTMBER)

Barangan	Jan-Sep 2022 ^p	Jan-Sep 2021 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	971,255.3	713,106.4	36.2
Barangan E&E	291,888.6	223,070.6	30.9
Keluaran Petroleum	113,477.8	63,621.8	78.4
Kimia & Bahan Kimia	88,449.3	70,126.4	26.1
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	65,479.4	49,463.6	32.4
Barangan Perkilangan Logam	47,962.2	40,306.1	19.0
Petroleum Mentah	37,162.0	11,563.0	221.4
Kelengkapan Pengangkutan	36,749.1	24,750.5	48.5
Barangan Besi & Keluli	26,626.3	23,918.6	11.3
Barangan Optik & Saintifik	22,150.6	19,618.6	12.9
Barangan Makanan Diproses	21,640.0	17,975.0	20.4

JADUAL 13: SUMBER UTAMA IMPORT (JANUARI-SEPTMBER)

Sumber	Jan-Sep 2022 ^p	Jan-Sep 2021 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	971,255.3	713,106.4	36.2
China	205,114.0	167,101.2	22.7
Singapura	103,372.6	65,633.2	57.5
Taiwan	78,492.2	53,544.9	46.6
AS	74,911.6	53,938.8	38.9
Jepun	62,220.1	54,172.7	14.9
Indonesia	57,669.2	39,145.8	47.3
ROK	44,280.9	34,593.2	28.0
Thailand	43,066.7	32,531.4	32.4
Australia	28,660.8	16,584.0	72.8
Arab Saudi	26,371.4	9,311.3	183.2

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

Disediakan oleh: MATRADE

Nota:

f – data muktamad

p – data provisional

CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2016 – SEPTEMBER 2022[#]

